

RM60,000 proses lebar, dalamkan Sungai Gong

RAWANG - Sebanyak RM60,000 digunakan untuk melebar dan mendalamkan Sungai Gong sepanjang tiga kilometer sebagai persediaan musim hujan menjelang September.

Tahun lalu, kawasan tersebut dinaiki air atau banjir kilat lebih dua kali akibat taburan hujan yang kuat menyebabkan sungai sedia ada gagal menampung kuantiti air.

Timbalan Jurutera Daerah Gombak, SV Kalaiselvam berkata, dijangka kerja naik taraf sungai itu dapat mengurangkan masalah banjir di jalan Sungai Bakau itu.

"Projek telah dimulakan sejak 4

Ogos lalu dan siap minggu lalu dengan menambahkan kedalaman sebanyak 0.5 meter dan lebar kepada 13 meter.

"Terdapat beberapa bahagian sungai tidak diubah selepas dikhuatiri boleh menjejaskan kestabilan benteng seterusnya menyebabkan pergerakan tanah dekat laluan utama," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, menjelang tahun depan, satu projek holistik di kawasan tersebut dijangka bermula dengan peruntukan RM8 juta untuk kolam takungan banjir melibatkan keluasan tanah 3.2 hektar.



Adun Rawang, Gan Pei Nei dan Kalaiselvam meninjau tapak sungai yang selesai dinaik taraf, kelmarin.